

PBAPP lakukan operasi pembenihan awan di Empangan Air Itam dan Teluk Bahang



GEORGETOWN: Operasi pembenihan awan di Pulau Pinang yang diadakan hari ini dan esok, menyasarkan hujan sebanyak mungkin di kawasan tadahan air (KTA) di Empangan Air Itam dan Teluk Bahang, dekat sini.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) K Pathmanathan, berkata operasi itu akan diselenggarakan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) serta dikendalikan pasukan dari Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Beliau berkata, dalam tempoh 1 Februari lalu hingga hari ini, pihaknya hanya merekodkan taburan hujan masing-masing 45 milimeter (mm) di KTA Empangan Air Itam dan 71.5mm di KTA Teluk Bahang.

"Paras air di Empangan Air Itam menyusut sebanyak 31.9 peratus kepada 37 peratus hari ini berbanding 68.9 peratus pada 1 Januari lalu, manakala kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang ketika ini 79.6 peratus berbanding 95.4 peratus dalam tempoh sama.

"Oleh itu, sebarang jumlah hujan akan berguna kerana kami berusaha untuk mempertahankan rizab air mentah empangan ini sehingga musim hujan akan datang," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Pathmanathan berkata, berdasarkan pemberitahuan rasmi daripada Badan Kawal Selia Bekalan Air Pulau Pinang (BKSA) penjadualan dan pelaksanaan operasi pembenihan awan di negeri tersebut tertakluk kepada keadaan atmosfera dan awan.

Tahun lalu, katanya, operasi pembenihan awan yang dijalankan secara berturut-turut pada Mei dan Jun menyumbang kepada sejumlah 30.5mm hujan di Empangan Air Itam sekali gus membantu memastikan tiada krisis air.

"Justeru, kami berterima kasih kepada NADMA, TUDM, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan kerajaan negeri atas maklum balas pantas mereka terhadap permintaan pembenihan awan yang dibuat awal bulan ini," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan penyusutan paras air Empangan Air Itam agak membimbangkan dengan ia dijangka dapat bertahan dalam tempoh 32 hari.

Dalam pada itu, Pathmanathan berkata, setakat hari ini, paras sungai Sungai Muda ialah 2.23 meter dengan PBAPP sedang mengekstrak air mentah dari sungai berkenaan untuk menyokong pengeluaran air optimum di Loji Rawatan Air Sungai Dua.

"Sementara itu, kapasiti Empangan Muda dan Empangan Beris yang melepaskan air ke Sungai Muda dilaporkan masing-masing berada pada kapasiti 63.2 peratus dan 100 peratus," katanya.